

UNESCO

Manifesto

PERPUSTAKAAN AWAM

Kuala Lumpur
1997

Terjemahan daripada
Unesco Public Library Manifesto
disediakan oleh
Section of Public Libraries,
International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA), 1995

Diterjemah ke Bahasa Malaysia oleh
Pusat Bahasa,
Universiti Sains Malaysia

Laluan kepada ilmu pengetahuan

KEBEBASAN, KEMAKMURAN DAN PEMBANGUNAN

masyarakat serta individu merupakan nilai-nilai asas kemanusiaan. Nilai-nilai ini hanya akan tercapai sekiranya rakyat berilmu dan berpengetahuan mengamalkan hak demokrasi serta aktif memainkan peranan dalam masyarakat. Penglibatan yang membina dan pengembangan demokrasi bergantung kepada tahap pendidikan yang sempurna dan akses kepada ilmu pengetahuan, pemikiran, kebudayaan dan maklumat tanpa batas.

Sebagai wadah menimba ilmu, perpustakaan awam menyediakan keperluan asas untuk pembelajaran seumur hidup, keupayaan membuat keputusan secara bebas dan pembangunan budaya individu mahupun masyarakat.

Manifesto ini mengisytiharkan kepercayaan UNESCO terhadap perpustakaan awam sebagai pusat kesinambungan pendidikan, budaya dan maklumat serta sebagai agen penting ke arah mewujudkan kemakmuran dan keharmonian rohani dalam minda setiap individu.

Oleh yang demikian UNESCO menggalakan kerajaan pusat dan negeri supaya menyokong dan bergiat aktif dalam mengembangkan perpustakaan awam.

Perpustakaan Awam

PERPUSTAKAAN AWAM merupakan pusat maklumat setempat yang sentiasa tersedia untuk menyajikan setiap jenis maklumat untuk memajukan ilmu pengetahuan penggunanya.

Pekhidmatan perpustakaan awam disediakan atas dasar khidmat akses yang adil dan saksama kepada semua tanpa mengira umur, bangsa, jantina, agama, kerakyatan, bahasa atau pangkat dan status. Perkhidmatan khusus dan bahan khas mesti disediakan bagi mereka yang atas sebab-sebab tertentu, tidak dapat menggunakan bahan yang sedia ada contohnya kaum minoriti, orang-orang yang kurang upaya ataupun pesakit di hospital dan penghuni penjara.

Pengguna setiap peringkat umur perlu disediakan bahan bacaan dan rujukan mengikut keperluan masing-masing. Koleksi dan perkhidmatan pula perlu merangkumi bahan cetak dan bukan cetak dan teknologi maklumat terkini. Bahan seharusnya bermutu tinggi dan bersesuaian dengan keadaan dan keperluan masyarakat tempatan. Bahan mestilah memaparkan arus evolusi, pengembangan dan pemikiran semasa serta mencerminkan usaha dan kreativiti manusia.

Koleksi dan perkhidmatan mestilah bebas daripada sebarang bentuk penapisan ideologi, politik atau agama, dan juga bebas daripada desakan, tekanan dan pengaruh komersial.

Misi Perpustakaan Awam

MISI PERPUSTAKAAN AWAM Misi utama berikut berkaitan dengan maklumat, literasi, pendidikan dan budaya, semestinya menjadi teras perkhidmatan perpustakaan awam:

- 1 Menanam serta mengukuh tabiat membaca di kalangan kanak-kanak dari kecil lagi;
- 2 Membantu pendidikan secara individu, pendidikan sendiri serta pendidikan formal di semua peringkat;
- 3 Membuka peluang bagi mengembangkan daya kreatif individu;
- 4 Merangsang imaginasi dan daya kreatif kanak-kanak dan remaja;
- 5 Menanam dan menggalakkan kesedaran tentang warisan budaya, penghayatan seni, pencapaian saintifik dan inovasi;
- 6 Menggiatkan manifestasi budaya melalui kemudahan dan kegiatan seni;
- 7 Menggalakkan dialog antara budaya dan mempelbagaikan kegiatan budaya;
- 8 Menggalakkan tradisi lisan;
- 9 Memastikan rakyat mendapat akses kepada semua maklumat komuniti berkenaan;
- 10 Menyediakan perkhidmatan maklumat yang lengkap bagi keperluan, perusahaan, persatuan dan kumpulan tempatan;
- 11 Memudahkan perkembangan literasi maklumat dan kemahiran kenal faham komputer;
- 12 Menggalakkan penyertaan dalam aktiviti dan rancangan literasi bagi semua peringkat umur serta menggerakkan berdasarkan keperluan.

Dana, perundangan dan rangkaian

PERPUSTAKAAN AWAM hendaklah pada dasarnya diberi secara percuma. Perpustakaan awam merupakan tanggungjawab kerajaan pusat dan negeri. Ia sepatutnya didokong oleh kerajaan tersebut. Perpustakaan semestinya menjadi komponen penting dalam perancangan jangka panjang program pendidikan, literasi, penyediaan maklumat dan kebudayaan negara.

Bagi memastikan koordinasi dan kerjasama perpustakaan seluruh negara, perundangan dan perancangan strategik mestilah mengenal pasti dan menggalakkan rangkaian perpustakaan seluruh negara berdasarkan piawaian yang dipersetujui.

Rangkaian perpustakaan awam seharusnya dirancang selaras dengan perpustakaan negara, perpustakaan wilayah, perpustakaan penyelidikan dan khusus serta perpustakaan di sekolah, kolej dan universiti.

Operasi dan pengurusan

SATU POLISI YANG JELAS PERLU DIRUMUS

bagi

menggariskan objektif dan keutamaan dan perkhidmatan selaras dengan keperluan masyarakat setempat. Perpustakaan awam dengan keperluan masyarakat setempat. Perpustakaan awam perlu dikendalikan dengan berkesan serta mengekalkan operasi ikhtisas berdasarkan piawaian berkenaan.

Memastikan adanya kerjasama dengan rakan kongsi yang sesuai contohnya kumpulan pengguna dan ahli professional lain di peringkat tempatan, wilayah, negara dan antarabangsa.

Perkhidmatan yang disediakan mestilah mudah diakses oleh semua ahli masyarakat. Ia memerlukan penempatan bangunan perpustakaan yang strategik, bahan bacaan dan kemudahan yang baik untuk membaca dan belajar., teknologi yang berkaitan serta masa pembukaan yang sesuai kepada pengguna. Ini juga melibatkan penyampaian perkhidmatan kepada mereka yang tidak berupaya untuk datang ke perpustakaan.

Perkhidmatan perpustakaan perlu disesuaikan dengan keperluan yang berbeza di kalangan masyarakat desa dan bandar.

Perpustakaan merupakan perantara yang aktif di antara pengguna dan sumber. Pendidikan dan latihan profesional yang berterusan bagi pustakawan amat diperlukan bagi memastikan perkhidmatan yang memuaskan.

Program perkhidmatan dan pendidikan pengguna perlu disediakan bagi membantu pengguna memanfaatkan semua sumber yang terdapat di perpustakaan.